

Rakyat wajar dapat manfaat kenaikan harga minyak global

➔ Perolehan tambahan bolehkan kerajaan rangka pelan komprehensif kurangkan jurang pendapatan penduduk

Oleh Nora Mahpar
noramahpar@nstp.com.my

Harga minyak mentah global yang tinggi sekitar paras AS\$80 satu tong ketika ini wajar dimanfaatkan sepenuhnya oleh kerajaan untuk disalurkan kembali kepada rakyat menerusi Bajet 2019.

Pensyarah Kanan Putra Business School Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata pendapatan tambahan hasil daripada pengukuhan harga minyak membolehkan kerajaan menumpukan kepada pengurangan hutang kerajaan dengan

lebih agresif, selain meningkatkan rizab antarabangsa dan merangka pelan komprehensif untuk mengurangkan jurang pendapatan penduduk luar bandar dan bandar.

"Bajet 2017 menggunakan harga AS\$50 satu tong dan Bajet 2018 mengunjurkan AS\$52 satu tong sebagai harga purata yang menyumbang kepada pendapatan negara.

"Namun dengan kenaikan harga minyak yang melebihi AS\$80 dan tertinggi dalam tempoh empat tahun ketika ini, kerajaan patut mengunjurkan harga purata minyak yang lebih tinggi daripada AS\$52.

"Setiap pertambahan AS\$1 satu tong membolehkan kerajaan memperolehi pendapatan tambahan RM300 juta setahun," katanya kepada *Bisnes NSTP*.

Harga kekal tinggi

Ahmed Razman berkata, faktor yang akan menyebabkan harga minyak kekal tinggi untuk beberapa bulan akan datang ialah trend penurunan pengeluaran minyak oleh Venezuela, sekatan ekonomi oleh Amerika Syarikat (AS) terhadap Iran yang bermula November ini.

Selain itu, katanya, ketidakpercayaan Arab Saudi untuk menampung defisit pengeluaran oleh Iran dan Venezuela juga menyempitkan pasaran minyak mentah global

MENJELANG BAJET 2019

untuk didagangkan pada harga tinggi.

Menyentuh mengenai tumpuan bajet kali ini, beliau berkata, kerajaan dijangka merangka strategi dan inisiatif perkembangan ekonomi menerusi pembaharuan yang akan dilaksanakan daripada dasar serta program sedia ada seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

"Kerajaan juga dilihat akan memperkenalkan dasar ekonomi negara yang baharu memandangkan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) sudah berakhir.

"Pada masa sama, terdapat kemungkinan kerajaan akan melakukan transformasi secara menyeluruh terhadap beberapa dasar ekonomi sedia ada mengikut keperluan semasa," katanya.

Ahmed Razman berkata, kerajaan dijangka terus memfokuskan dasar ekonomi baharu yang menumpukan pengurangan

jurang pendapatan serta pemilikan rumah mampu milik, selain penekanan terhadap sektor kesihatan, pendidikan, wanita dan pengguna.

Katanya apa yang penting adalah Bajet 2019 perlu berupaya untuk memacu komuniti perniagaan dan seterusnya dapat mewujudkan limpahan manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Hala tuju jelas

"Bajet 2019 diharap dapat meneguhkan komponen dasar serta hala tuju yang jelas kerana ia penting kepada semua pihak berkepentingan khususnya mengenai perbelanjaan kerajaan pada tahun depan," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Ekonomi Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Rusmawati Said, berkata kerajaan diharap tidak terlalu ghairah untuk mengubah atau memperkenalkan dasar baharu, sebaliknya dasar atau struktur sedia ada perlu ditambah baik dari segi pelaksanaannya.

"RMK-11 contohnya, susunan dasar ini sudah cantik, hanya pelaksanaannya saja perlu ditambah baik. Apa yang saya lihat ketika ini, banyak yang mahu diubah oleh kerajaan. Bagi saya tidak perlu sebaliknya mana yang baik, dikekalkan dan diperkembangkan," katanya.



Bajet 2019 diharap dapat meneguhkan komponen dasar serta hala tuju yang jelas kerana ia penting kepada semua pihak berkepentingan khususnya mengenai perbelanjaan kerajaan pada tahun depan"

**Dr Ahmed Razman
Abdul Latiff,**
Pensyarah Kanan Putra
Business School UPM

